

Berita Utara

June 03, 2016 13:37 PM

Kapasiti Simpanan Air Pulau Pinang Lebih 36 Peratus



BUTTERWORTH, 3 Jun (Bernama) --
Pembukaan rasmi Pakej 12 Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di sini, meningkatkan kapasiti rizab rawatan air di Pulau Pinang kepada 36.3 peratus dan merupakan yang tertinggi di negara ini.

Ketua Menteri yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBA) Lim Guan Eng berkata dengan jumlah rizab itu, walaupun penggunaan air meningkat 15 hingga 20 peratus pada musim kemarau, ia masih dapat membekalkan air yang cukup tanpa perlu melakukan catuan.

"Kapasiti rawatan air di negeri ini kini melebihi permintaan air dan ia dapat menyediakan jaminan kukuh bahawa PBA mampu merawat air lebih daripada mencukupi setiap hari.

"Namun begitu penduduk di negeri ini perlu terus menjimatkan penggunaan air kerana keadaan ini bergantung kepada bekalan air mentah dari Sungai Muda (Kedah)," katanya kepada pemberita selepas perasmian pakej LRA di sini, hari ini.

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif PBA Datuk Ir Jaseni Maidinsa berkata PBA membekalkan secara purata 1,014.5 juta liter air terawat sehari di negeri ini.

Katanya pakej 12 LRA bernilai RM55 juta itu mewakili jaminan bekalan air yang mengalami fasa perkembangan daripada PBA kepada semua 575,747 pelanggan di negeri ini termasuk kilang-kilang pembuatan berteknologi tinggi dan hotel bertaraf dunia.